



**PERBADANAN ASET KERETAPI**  
(KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. RAC mempelawa calon-calon warganegara yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk memohon pengisian bagi jawatan seperti berikut:

TARAF JAWATAN	CONTRACT FOR SERVICES (CFS)	
SKALA GAJI	RM 8,000.00 – RM 30,000.00	
BIL	JAWATAN	KEKOSONGAN
1	Pegawai Rel	1
2	Ketua Pegawai Perancang Pembangunan Hartanah	1

**SYARAT WAJIB PERMOHONAN**

- i. warganegara Malaysia; dan
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

**JAWATAN : PEGAWAI REL**

**SYARAT LANTIKAN**

- i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mempunyai Ijazah Sarjana/Ijazah dalam bidang kejuruteraan;
- iii. Mempunyai sekurangnya 10 tahun pengalaman relevan dengan deskripsi tugas dengan 5 tahun daripadanya pengalaman dalam bidang berkaitan Rel;
- iv. Mempunyai pengalaman mengendalikan projek-projek berkenaan kereta api (seperti pengawalseliaan, projek fizikal, atau operasi dan penyelenggaraan; dan
- v. Mahir menggunakan aplikasi MS Office terutamanya Power Point.

**DESKRIPSI TUGAS**

- i. membantu melaksanakan kajian semula terhadap rangka kerja *Railway Network Access Agreement* (RNAA) bagi memastikan perjanjian tersebut adalah komprehensif dalam menjaga kepentingan RAC;
- ii. memastikan semua apendiks dan Definitive Agreements di bawah RNAA adalah lengkap dan mengandungi maklumat yang tepat;
- iii. memastikan proses '*due diligence*' ke atas aset-aset kereta api yang digunakan oleh KTMB dilaksanakan sebelum RNAA dilaksanakan;
- iv. membantu menyediakan pelan pelaksanaan RNAA bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan teratur; dan
- v. membantu dalam menguruskan penubuhan anak syarikat RAC yang akan menjadi enjin pelaksanaan RNAA.

**JAWATAN: KETUA PEGAWAI PERANCANG PEMBANGUNAN HARTANAH**

**SYARAT LANTIKAN**

- i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mempunyai Ijazah dalam bidang Senibina, Pengurusan Projek Dan Fasiliti, Kejuruteraan (Awam,Mekanikal dan Elektrikal) atau Pengurusan bangunan;
- iii. Mempunyai sekurangnya 10 tahun pengalaman yang relevan;
- iv. mempunyai kemahiran analisis, komunikasi dan penulisan yang baik;
- vi. Mahir menggunakan aplikasi MS Office terutamanya Power Point; dan
- vii. Mempunyai pengalaman dalam mengendalikan projek pembangunan berkonseptkan *Transit Oriented Development* (TOD) dan infrastruktur skala besar.

## **DESKRIPSI TUGAS**

- i. Merancang pembangunan berkonsepkan Transit Oriented Development (TOD) ke atas lokasi tanah yang telah dikenalpasti berdasarkan *Market Study* dan *Feasibility Study* yang boleh dipercayai;
- ii. Membuat analisis tawaran-tawaran yang diterima daripada syarikat/pemaju berpotensi bagi mendapatkan cadangan pembangunan yang bersesuaian dan memberikan pulangan yang optimum kepada RAC.
- iii. Melaksana dan memantau projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan agar dapat disiapkan mengikut tempoh, kos dan spesifikasi yang ditetapkan

## **CARA MEMOHON**

1. Pemohon yang berminat hendaklah menggunakan borang RAC/BPJ/1/2019 yang boleh didapati di laman sesawang (website) <http://www.rac.gov.my>  
Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis disudut atas sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dimohon.

2. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

**Pengurus Besar  
Perbadanan Aset Keretapi  
Bahagian Khidmat Pengurusan,  
No.29G, Blok B, Jln TKS 1,  
Kajang Sentral Business Park,  
43000 Kajang, Selangor**

3. **TARIKH IKLAN: 25 Oktober 2019 hingga 8 November 2019**

4. **DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI:**

- i. Salinan Kad Pengenalan;
- ii. Salinan Surat Beranak;
- iii. Salinan Sijil Pendidikan Malaysia;
- iv. Salinan sijil-sijil pendidikan dan sijil berkaitan;
- v. Salinan slip gaji terkini; serta
- vi. Sekeping gambar berukuran passport yang terbaru

**(Sila pastikan dokumen-dokumen berkaitan diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 dan ke atas)**

5. **PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:**

- i. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan seperti di para 4;
- ii. Dokumen tidak disahkan oleh pegawai Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional Gred 41 dan ke atas;
- iii. Tidak lengkap atau tidak terang;
- iv. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- v. Tidak ditandatangani oleh pemohon; dan
- vi. Permohonan yang lewat dari tarikh tutup permohonan.

6. **CATATAN AM**

- i. Hanya permohonan yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Calon-calon yang berjaya dipanggil temuduga akan dimaklumkan melalui surat panggilan temuduga, emel atau telefon; dan
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.